



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Pelaburan Kerajaan 1982
DR.19/1982

Naskhah sahih—Bahasa Malaysia

**RANG UNDANG-UNDANG PELABURAN
KERAJAAN 1982**

SUSUNAN KLAUSA

Klausa

1. Tajuk ringkas.
2. Tafsiran.
3. Kuasa Menteri untuk menerima pelaburan.
4. Penggunaan wang.
5. Tempoh pelaburan.
6. Sijil pelaburan.
7. Pindah milik sijil pelaburan.
8. Dividen.
9. Membayar balik pelaburan.
10. Pelaburan dan dividen dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan.
11. Sijil pelaburan tidak dikenakan duti setem.
12. Perwakilan kuasa dan kewajipan oleh Menteri.
13. Kesalahan-kesalahan.

JADUAL.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk menerima pelaburan wang selama suatu tempoh tetap dan membayar dividen ke atasnya.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pelaburan Kerajaan 1982.

Tajuk ringkas.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

“Menteri” ertinya Menteri yang ditugaskan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

“pelaburan” ertinya pelaburan yang dibuat mengikut seksyen 3;

“sijil pelaburan” ertinya sesuatu resit dalam bentuk suatu sijil pelaburan, yang dikeluarkan mengikut seksyen 6.

3. (1) Menteri adalah dengan ini diberi kuasa menerima, bagi pihak Kerajaan Malaysia, pada mana-mana satu masa dan sehingga apa-apa amaun maksimum sebagaimana yang ditetapkannya dari semasa ke semasa, pelaburan wang daripada mana-mana orang sebanyak sepuluh ribu ringgit atau dalam gandaan sepuluh ribu ringgit.

Kuasa Menteri untuk menerima pelaburan.

(2) Jumlah amaun wang yang diterima di bawah subseksyen (1) yang tidak dibayar balik pada mana-mana satu masa hendaklah tidak lebih daripada suatu amaun yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Yang di-Pertuan Agong melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

(3) Suatu perintah di bawah subseksyen (2) hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas siarannya, dibentangkan dalam Dewan Rakyat.

Penggunaan wang.

4. Wang-wang yang diterima di bawah seksyen 3 (1) hendaklah digunakan, dan adalah dengan ini diuntukkan, bagi maksud-maksud yang berikut:

(a) untuk membayar balik wang-wang yang diterima sedemikian, hingga takat yang ditentukan oleh Menteri;

(b) untuk membayar, dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan Dewan Rakyat yang dinyatakan melalui ketetapan, ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua kepada Akta Prosedur Kewangan 1957, bagi maksud-maksud Kumpulan Wang itu.

Akta 61.

Tempoh pelaburan.

5. Mana-mana orang yang membuat pelaburan di bawah seksyen 3 (1) hendaklah dengan demikian itu menetapkan tempoh bagi pelaburan itu dibuat, iaitu satu tahun penuh atau lebih; dan pada akhir tempoh itu wang yang dilaburkan itu hendaklah dibayar balik secara yang diperuntukkan selepas ini.

Sijil pelaburan.

6. Menteri hendaklah mengeluarkan suatu resit dalam bentuk suatu sijil pelaburan seperti dalam Jadual bagi tiap-tiap pelaburan itu.

Pindah milik sijil pelaburan.

7. Sijil-sijil pelaburan boleh dipindah milik secara endorsan dan penyerahan.

Dividen.

8. (1) Tiada apa-apa faedah boleh dibayar ke atas pelaburan tetapi sebagai gantinya dividen adalah dibayar mengikut seksyen ini.

(2) Menteri hendaklah dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan kadar-kadar dividen yang hendak dibayar ke atas pelaburan.

(3) Dividen bagi tiap-tiap pelaburan adalah genap masanya dibayar tiap-tiap tahun pada tarikh ulang-tahun pelaburan dibuat dan hendaklah dibayar di Perbendaharaan Persekutuan kepada pemegang sijil pelaburan berhubungan dengan pelaburan itu apabila dikemukakan sijil pelaburan itu kepada Menteri, dan Menteri akan mengendors atau memerintahkan supaya diendors, butir-butir amaun dividen yang dibayar dan tarikh pembayaran pada sebelah belakang sijil pelaburan itu; dan endorsan itu hendaklah menjadi keterangan konklusif bahawa dividen yang dinyatakan dalam endorsan itu telah dibayar.

(4) Tiada apa-apa dividen kena dibayar atau boleh dibayar ke atas apa-apa pelaburan selepas tempoh pelaburan itu dibuat.

9. (1) Sesuatu pelaburan hendaklah dibayar balik apabila cukup tempohnya kepada pemegang sijil pelaburan berhubungan dengan pelaburan itu apabila dia menyampaikan sijil pelaburan itu kepada Menteri.

Membayar
balik
Pelaburan.

(2) Tiada apa-apa pelaburan boleh dibayar balik kecuali apabila diserahkan sijil pelaburan berhubungan dengannya kepada Menteri untuk dibatalkan.

10. Wang-wang yang dimaksudkan oleh sijil pelaburan, dan dividen-dividennya, adalah dengan ini dipertanggung kepada dan adalah kena dibayar dari Kumpulan Wang Disatukan.

Pelaburan
dan dividen
dipertang-
gungkan
kepada
Kumpulan
Wang
Disatukan.

11. Tiada apa-apa duti setem boleh dilevi atau kena dibayar ke atas apa-apa sijil pelaburan atau ke atas pindah miliknya.

Sijil
pelaburan
tidak
dikenakan
duti setem.

12. Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mewakilkan kepada Akauntan Negara atau Bank Negara Malaysia mana-mana atau semua kuasa atau kewajipan yang diberi kepadanya melalui Akta ini.

Perwakilan
kuasa dan
kewajipan
oleh
Menteri.

Kesalahan-kesalahan.

13. Mana-mana orang yang memalsukan atau mengubah mana-mana sijil pelaburan atau mana-mana per-kataan, angka, cap, tanda, tandatangan, atau faksimili pada atau terlampir pada mana-mana sijil pelaburan, atau yang menawarkan atau mengedarkan atau melupuskan mana-mana sijil pelaburan dengan menge-tahuinya sebagai palsu atau diubah, apabila disabitkan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima belas tahun.

JADUAL

(Seksyen 6)

AKTA PELABURAN KERAJAAN 1982

SIJIL PELABURAN

Menteri Kewangan dengan ini mengaku terima pelaburan dalam Perbendaharaan Persekutuan wang sebanyak \$.....

(iaitu.....)

oleh.....

beralamat.....

selama tempoh.....tahun.

Bertarikh pada.....haribulan.....19.....

.....
(Tandatangan)

Menteri Kewangan

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk menerima pelaburan wang selama suatu tempoh tetap dan membayar dividen ke atasnya.

Klausu 1 ialah Klausu biasa yang mengandungi tajuk ringkas Rang Undang-Undang.

Klausu 2 mengandungi tafsiran.

Klausu 3 membolehkan Menteri menerima, bagi pihak Kerajaan Malaysia, pelaburan wang daripada mana-mana orang sebanyak sepuluh ribu ringgit atau dalam gandaan sepuluh ribu ringgit, dengan syarat jumlah amaun maksimum yang diterima dan belum dibayar balik pada mana-mana satu masa hendaklah tidak lebih daripada suatu amaun yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Yang di-Pertuan Agong melalui perintah yang di-siarkan dalam *Warta*.

Klausula 4 memperuntukkan bahawa wang yang diterima hendaklah digunakan bagi maksud-maksud membayar balik wang-wang yang diterima sedemikian, dan untuk membayar ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua kepada Akta Prosedur Kewangan 1957, bagi maksud-maksud Kumpulan Wang itu.

Klausula 5 berhubungan dengan tempoh pelaburan, iaitu satu tahun penuh atau lebih.

Klausula 6 dan 7 menghendaki Menteri mengeluarkan suatu resit dalam bentuk suatu sijil pelaburan bagi tiap-tiap pelaburan yang dibuat dan sijil pelaburan itu boleh dipindah milik secara endorsan dan penyerahan.

Klausula 8 memperuntukkan bahawa tiada apa-apa faedah boleh dibayar ke atas pelaburan tetapi sebagai gantinya dividen adalah dibayar atas kadar yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa, melalui perintah yang diberitahu dalam *Warta*.

Klausula 9 berhubungan dengan cara pembayaran balik pelaburan.

Klausula 10 memperuntukkan bahawa pelaburan dan dividen dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Disatukan.

Klausula 11 memperuntukkan bahawa sijil pelaburan tidak dikenakan duti setem.

Klausula 12 membolehkan Menteri mewakilkan kepada Akauntan Negara atau Bank Negara Malaysia mana-mana atau semua kuasa atau kewajipan yang diberi kepadanya melalui Rang Undang-Undang ini.

Klausula 13 menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang memalsukan atau mengubah mana-mana sijil pelaburan atau mana-mana perkataan, angka, cap, tanda, tandatangan, atau faksimili pada atau terlampir pada mana-mana sijil pelaburan, atau yang menawarkan atau mengedarkan atau melupuskan mana-mana sijil pelaburan dengan mengetahuinya sebagai palsu atau diubah, dan boleh dihukum apabila disabitkan kesalahannya dengan penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima belas tahun.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U²) 1198.]